

CLEDOMOX 625mg TABLET

Amoxicillin/Clavulanic Asid (500mg/125mg)

Apakah yang ada pada risalah

1. Apakah kegunaan Cledomox 625mg Tablet.
2. Bagaimana Cledomox 625mg Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Cledomox 625mg Tablet.
4. Cara menggunakan Cledomox 625mg Tablet
5. Semasa menggunakan Cledomox 625mg Tablet
6. Kesan -kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan perlupusan Cledomox 625mg Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Cledomox 625mg Tablet

Cledomox 625mg Tablet digunakan untuk merawat jangkitan bakteria di bahagian respiratori, salur kencing, kulit dan tisu lembut, tulang dan sendi, pergigian dan lain – lain jangkitan .

Bagaimana Cledomox 625mg Tablet berfungsi

Cledomox 625mg Tablet adalah antibiotik dan bertindak dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan. Ubat ini mengandungi dua ubat. Salah satu ubat adalah penicillin iaitu amoxicillin dan ubat yang lain ialah clavulanic asid

Sebelum menggunakan Cledomox 625mg Tablet

- Bila tidak sepatutnya digunakan

Jangan mengambil Cledomox 625mg Tablet jika:

- Jika anda mempunyai alahan terhadap *penicillin*, *beta – lactamase inhibitor* atau lain-lain *beta lactam* antibiotic. Sesetengah simptom reaksi alahan termasuk ruam kulit, gatal, kesukaran pernafasan dan pembengkakan muka atau lidah.
- Jika anda adalah pesakit yang mempunyai sejarah mengambil amoxicillin bersama clavulanic asid atau penicillin dan mendapati jaundis/kegagalan hati.
- Sila dapatkan nasihat doktor sebelum menggunakan

Cledomox 625mg Tablet jika anda hamil; merancang untuk menjadi hamil; menyusu atau merancang untuk menyusu bayi. Doktor anda akan mempertimbangkan risiko pengambilan Cledomox 625mg Tablet terhadap manfaat yang dijangkakan terhadap anda.

-Sebelum menggunakan Cledomox 625mg Tablet

Beritahu doctor anda jika:

- Anda mempunyai masalah hati/jaundis kolestatik.
- Anda mempunyai masalah kegagalan buah pinggang sederhana atau teruk .
- Anda terlalu sensitif kepada penisillin.
- Anda mempunyai masalah kesihatan seperti penyakit perut dan usus seperti *pseudomonas colitis*
- Anda mempunyai demam kelenjar (*mononucleosis*)
- Anda sukar membuang air (krystaluria).

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doctor anda jika anda mengambil sebarang ubat kerana ia boleh berinteraksi dengan Cledomox 625mg Tablet :

- *Probenecid* untuk gout.
- *Allopurinol* untuk gout.
- Agen anti - pergumpalan, agen mencairkan darah.
- *Methotrexate*

Cara menggunakan Cledomox 625mg Tablet

Berapa banyak harus digunakan

Cledomox 625mg Tablet boleh didapati hanya dalam satu kekuatan iaitu 625mg (Amoxicillin 500mg + Clavulanic Asid 125mg).Cledomox 625mg Tablet tidak dapat digunakan dalam semua regimen dos yang diluluskan Amoxicillin + Clavulanic Asid: dalam bentuk dos lain-lain dan kekuatan yang diluluskan untuk Amoxicillin + Clavulanic Asid perlu digunakan dalam kes-kes tersebut.

Dos biasa untuk jangkitan

- Dewasa dan kanak-kanak lebih daripada 12 tahun

- Jangkitan ringan-sederhana : satu tablet Cledomox 625mg Tablet dua kali sehari
- Jangkitan teruk: satu Amoxicillin 875mg + Clavulanic asid 125mg Tablet sebanyak dua kali sehari.

Dos untuk jangkitan pergigian (e.g. gigi bernanah)

- Orang dewasa dan kanak-kanak lebih daripada 12 tahun: satu Cledomox 625mg Tablet sebanyak dua kali sehari selama 5 hari
- Cledomox 625mg Tablet dan Amoxicillin 875mg + Clavulanic asid 125mg tablet tidak digalakkan untuk kanak-kanak 12 tahun dan ke bawah

Dos untuk kegagalan buah pinggang:

Dewasa

- Amoxicillin 875mg + Clavulanic asid 125mg Tablet hanya boleh digunakan pada pesakit dengan kadar penapisan glomerular > 30ml/min
- Kegagalan ringan (*creatinine clearance* > 30 ml/min); Tiada Sebarang perubahan dalam dos (iaitu sama ada satu tablet 625mg dua kali sehari atau satu Amoxicillin 875mg + Clavulanic asid 125mg Tablet sebanyak dua kali sehari)
- Kegagalan sederhana (*creatinine clearance* 10-30 ml/min); Satu 625mg tablet sebanyak dua kali sehari. Amoxicillin 875mg + Clavulanic asid 125mg Tablet tidak boleh diadministrasi
- Kegagalan teruk : (*creatinine clearance* < 10 ml/min); Tidak lebih daripada satu 625mg tablet setiap 24 jam

Dos untuk kegagalan hati:

- Dos berhati-hati : pemantauan fungsi hati secara berkala.

Rawatan tidak harus diteruskan melebihi 14 hari tanpa rujukan.

Tidak disyorkan untuk kanak-kanak 12 tahun ke bawah.

-Bila perlu digunakannya

Doktor akan memutuskan bila ianya sesuai untuk anda menggunakan Cledomox 625mg Tablet mengikut jenis keadaan yang anda alami.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Cledomox 625mg Tablet untuk tempoh masa yang disyorkan oleh doktor.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini, walaupun merasa sihat selepas beberapa hari, melainkan dinasihatkan oleh doktor anda. Jangkitan anda mungkin tidak pulih sepenuhnya jika anda berhenti mengambil ubat-ubatan anda terlalu cepat

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan sekiranya anda terlupa untuk mengambil ubat .

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir dengan masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga waktu untuk mengambil ubat dan langkalkan dos yang tertinggal.

Jangan ambil dos secara berganda untuk menggantikan dos terlangkau sebelumnya.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan kecemasan hospital terdekat anda, jika anda merasa anda atau sesiapa sahaja mungkin telah terambil terlalu banyak ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda- tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

- Simptom gastrousus dan gangguan kepada keseimbangan bendalir atau elektrolit yang mungkin tertera. Kristaluria (kristal dalam air kencing), dialami dalam beberapa kes yang mendorong kegagalan buah pinggang, telah diperhatikan
- Sawan boleh berlaku kepada pesakityang mempunyai kegagalan buah pinggang atau yang menerima dos yang tinggi. Amoxicillin dilaporkan akan termendap di kateter pundi kencing, terutamanya selepas pengambilan intravena dengan dos yang besar. Pemeriksaan patensi dengan kerap harus dikekalkan.

Semas menggunakan Cledomox 625mg Tablet

Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda seperti yang diarahkan doktor
- Maklumkan doktor ,doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Cledomox 625 Tablet
- Beritahu doctor dengan segera jika anda hamil ketika mengambil ubat ini.
- Jiak anda mengalami cirit birit yang teruk maklumkan kepada doctor anda atau ahli farmasi dengan segera .

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat ini selain dinasihatkan doktor .
- Jangan ambil ubat yang lain tanpa mendapatkan nasihat daripada doktor anda.
- Jangan memberi Cledomox 625mg Tablet kepada oranglain ,walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang serupa dengan anda..

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan pengambilan produk ini secara berterusan.
- Pengambilan cecair yang mencukupi dan pembuangan kencing perlu dikekalkan sepanjang pengambilan dos amoxicillin/clavulanate yang tinggi.

- Kehamilan dan menyusukan anak.
- Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Cledomox 625mg Tablet memberi kesan kepada anda

Kesan- kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan yang lain, Cledomox 625mg Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang akan mendapat kesan sampingan. Anda dinasihatkan untuk berunding dengan doktor / ahli farmasi untuk maklumat selanjutnya.

Kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Cirit birit
- Mual
- Muntah
- Kandidiasis (jangkitan kulat yang boleh menjejaskan kulit, bahagian kelamin , tekak atau mulut)

Berhenti mengambil Cledomox 625mg dan hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana yang berikut:

- Reaksi alergi yang serius seperti Reaksi ubat dengan Eosinophilia dan Gejala Sistemik (DRESS). DRESS muncul pada mulanya seperti selesema ,simptom ruam di muka dan kemudian dengan ruam lanjutan, tinggi suhu dan pembesaran limfa nod.

Cledomox 625 boleh menyebabkan alergi teruk dan reaksi kulit yang serius.

Berhenti menggunakan Cledomox 625 dan cari bantuan perubatan segera jika anda mengalami mana-mana yang berikut

Simptom : Kulit kemerah-merahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau mata kerengsaan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [Public-> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

**Cara penyimpanan dan pelupusan
Cledomox 625mg Tablet**

No siri
NPRA(R2/2)260219/00020

-Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C.
Melindungi daripada cahaya dan keadaan lembap.

-Pelupusan

Jangan gunakan Cledomox 625mg Tablet jika selepas tarikh luput yang tertera di atas karton.

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui sisa air ataupun sampah sarap. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan.

Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Cledomox 625mg Tablet adalah putih berbentuk bujur bersalut filem tablet. Ia dibungkus dalam foil Alu-Alu biasa dan foil blister aluminium bercetak.

Sebanyak 10 blister dibungkus dalam karton bercetak dengan sisipan pakej.

- Bahan-bahan kandungan

-Bahan Aktif:

Amoxicillin Trihydrate, Potassium Clavulanate.

- Bahan tidak aktif:

Microcrystalline Cellulose,
Magnesium stearate, Sodium Starch Glycolate, Colloidal Silicon Dioxide, Ethyl Cellulose, Propylene Glycol, Hydroxypropyl Methylcellulose (HPMC) compound mix, Dimethicone. Opaspray KIR 7000, Methylene Chloride / Dichloromethane, Isopropyl Alcohol

Nombor MAL

MAL17085040AZ

Pengilang

Medopharm Private Limited, 50,
Kayarmabedu Village,
Guduvanchery, TamilNadu– 603
203, INDIA.

Pemegang Pendaftaran Produk:

Zulat Pharmacy Sdn Bhd
No. 23 & 23A, Jalan Bandar 3,
Taman Melawati, 53100 Kuala
Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/02/2026
